

# Mahasiswa berkayuh 60 km sambil melawat lombong bijih timah

Seramai 60 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri daripada 53 lelaki dan tujuh perempuan berjaya mengharungi cabaran konvoi berbasikal sejauh 60 km dalam program Jelajah Kayuh Kembara UMP ke Sungai Lembing, Kuantan pada 19 Mei 2013 yang lalu.

Acara pelepasan peserta disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus yang turut mengetuai konvoi kayuh kembara tersebut. Program kayuhan bermula dari Kompleks Sukan UMP seawal jam 8.00 pagi dan sampai ke Pekan Lama, Sungai Lembing kira-kira jam 12.00 tengah hari.

Dato' Dr. Rosli berkata, aktiviti berbasikal yang dilihat semakin popular dan mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia terutama di UMP kerana persekitaran yang rata dan aktiviti yang lebih santai sesuai untuk mengisi masa terluang. Di samping itu, ianya dapat meningkatkan tahap kesihatan tubuh badan.

"Mahasiswa sendiri dapat menguji ketahanan mental, fizikal dan semangat setiakawan serta membentuk kerjasama di

antara warga UMP. Lebih menarik peserta bukan sahaja mengayuh basikal dari UMP di Gambang hingga ke Sungai Lembing namun turut berpeluang melawat terowong bijih timah yang merupakan sebuah kawasan peninggalan sejarah suatu masa dahulu," katanya.

Tambah beliau, secara tidak langsung ianya dapat membudayakan konsep sukan rekreasi berbasikal melalui elemen sukan pelancongan (*sport tourism*) kepada semua peserta yang mengikuti program.

Sementara itu, Penolong Pegawai Belia dan Sukan merangkap pengarah program, Nor Azazi Mamat pula berkata, beliau amat bersyukur dengan sambutan penyertaan yang menggalakkan dalam kalangan pelajar dan staf.

Bagi memastikan peserta layak membuat kayuhan dengan jarak yang agak jauh, pihaknya turut menjalankan sesi pemilihan berdasarkan beberapa siri ujian yang telah dijalankan yang menyaksikan hanya 60 peserta yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.

"Program ini merupakan kunjungan kedua warga UMP ke Sungai Lembing

namun kelainannya pada kali ini para peserta berpeluang menaiki tren lama untuk memasuki terowong bijih timah yang merupakan kawasan tinggalan sejarah yang terpanjang di dunia iaitu sejauh 322 km.

"Dengan program ini peserta dapat menambahkan pengetahuan mengenai bagaimana perlombongan dilakukan pada zaman dahulu dengan menggunakan lebih 100 bahan serta kaedah penggalian secara manual oleh pekerja lombong zaman dahulu," katanya.

Menurut seorang peserta Muhammad Helmi Jaafar, 23 pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), keadaan cuaca panas terik tidak menghalang beliau dan rakan lain untuk sampai ke terowong Sungai Lembing dan sepanjang melaluinya banyak pengetahuan tentang perlombongan yang dipelajari.

Manakala rakannya, Ilryani Nabilah Kasni, 24, dari Fakulti Kejuruteraan Sains dan Teknologi Industri (FSTI) berkata, beliau tidak menyangka berjaya dipilih dan ianya merupakan pengalaman pertamanya yang tidak dapat dilupakan apabila berjaya berkayuh sejauh ini.

